



## Guy Next Door

*Rose Harissa*

[Download now](#)

[Read Online](#) 

# Guy Next Door

*Rose Harissa*

## **Guy Next Door** Rose Harissa

Kisah perang mulut antara dua jiran (Kristal Abdul Hamid – sudah punya teman lelaki, Fandi) dengan (Adam Putra Iskandar). Kris memandang serong pada Adam, anak emak yang disangkanya menganggur. Kris selalu dileter oleh emaknya dan dibandingkan dengan Adam.

Sehinggalah Adam memulakan langkah meleraikan perang dingin antara mereka. Bermulalah bermacam-macam peristiwa lucu dan mengusik hati Kris dan Adam. Daripada menyampah menjadi suka.

“Kuketuk pintu rumah sebelah, kujumpa cinta dia!”

## **Guy Next Door Details**

Date : Published April 2014 by Kaki Novel Enterprise

ISBN :

Author : Rose Harissa

Format : Paperback 487 pages

Genre :

 [Download Guy Next Door ...pdf](#)

 [Read Online Guy Next Door ...pdf](#)

**Download and Read Free Online Guy Next Door Rose Harissa**

---

## From Reader Review Guy Next Door for online ebook

### Hajar says

#### Suka:

1. Pertama sekali mestilah Encik Adam Putra Iskandar (Adam) yang *supercool*, anak dan adik yang baik sebab sanggup korbankan cita-cita dan impian hanya kerana nak menjaga seorang emak (ada lagi tak lelaki mcm ni? Kalau ada nak cop 1 :p). Adam ni juga merupakan seorang kawan dan jiran yang *protective*. Tapi tak sangka pula boleh bertukar jadi suami yang..... Ehem, orang yang baik ni pun ada sisi 'nakalnya' juga okay? :p
2. Makcik Umi *The Legend*. Kehkehkeh. Bukan apa, karakter makcik yang selamba dan bercakap tanpa bertapis ni mengingatkan saya kepada Makcik Sarimah (emak Uwais, Suami Yang Ku Benci). Jenis orang yang tak simpan dalam hati. *Straight forward* punya orang. Takde konar-konar. Sungguh pun begitu, Makcik Umi ni memang jiran yang baik. Tak pernah berkira nak membantu keluarga Adam bila mereka ditimpa musibah. Ialah, nama pun berjiran, kan? Cuma agak ralat bila watak Makcik Umi ni terhenti macam tu saja.
3. Ikatan kekeluargaan yang erat ditunjukkan dalam keluarga Adam dan Kristal. Hormat- menghormati dan bertolak ansur dapat kita lihat dlm keluarga Adam. Contohnya, kakak-kakak Adam bergilir menghantar emak mereka ke hospital untuk pemeriksaan kesihatan sementara Adam pula bertanggungjawab menjaga kebajikan emak mereka di rumah.
4. Semangat kejiranan yang utuh. Saling bantu membantu dan bukan hanya sibuk menjaga tepi kain orang. :D
5. Sisi watak Kristal yang teguh pendirian dan tak makan dek pujuk rayu lelaki macam Fandi tu.

#### Kurang gemar:

1. Kristal yang digambarkan lepas laku masa berhubungan dengan Fandi. Walaupun tak pernah terlanjur tapi tetap tak manis ya adik-adik?
2. Watak Kristal yang suka prasangka dan beremosi tak tentu fasal. Haha. Tapi, saya setuju dengan pendapat Airina, Kristal ni umpama peneutral watak Adam yang manis itu. :D
3. Ada sesetengah adegan yang pada pendapat saya, kalau tak ada pun tak mencatitkan jalan cerita. Terutamanya adegan terlebih gula. Adam tu dah cukup manis dah. Ditambah gula memang boleh diabetes jadinya. :P

Komen saya: Keseluruhannya, saya suka kisah ni. Terutamanya Adam. Eh? Haha. Terhibur. Tersengih. Tergelak. :D Tahniah dan selamat kembali menulis Kak Rose. Moga terus berkarya. :)

---

### Don ? says

Adam Putra Iskandar aka Guy Next Door. Anak teruna Mak Cik Ton pagi-pagi dah rajinkan diri siram pokok bunga,pergi pasar naik basikal, sidai baju macam anak dara gayanya dan pandai masak sambal tempe pula tu. heh. Sebab Adam ni lah , Kris (Kristal) kena bebel dengan mak cik Umi tiap hari terutamanya cuti minggu. 5

tahun lepas hidupnya aman saja, sebelum Adam tiba-tiba muncul dan jadi model contoh untuk mak buat Kris.

:))

Adam duduk rumah saja, Kris anggap dia ni penganggur terhormat yang menghabiskan duit pencen mak ayah. Tak sangka sebenarnya Adam ni kerja pelukis grafik yang terkenal & berjaya bila gambarnya muncul dalam surat khabar. Tapi tetap Kris pandang rendah pada kebolehan dan kerjaya Adam yang seperti tiada masa depan. Tak macam teman lelakinya si Fandi. Tapi Fandi hilang tiba-tiba. -Masa ni Adam dan Kris sudah bercakap walaupun setiap kali Kris asyik-asyik marah Adam. Sebab Adam 'cool' dan mak cik Umi sempoi sudah jadi BFF. Kris rasa dirinya diketepikan. Kawan sendiri pula dah berpihak pada Adam. Adoilah~~kenapa semua orang suka kat Adam dan Kris selalu ketinggalan?

~

(view spoiler) Sedih. Aku menangis masa baca kat blog dulu (part ni dah jadi spoiler, so tak terkejut sangat masa baca). Tapi tetap rasa kehilangan.

Kerana Adam ni seorang artis komik, masa part POV Adam sentiasa ada selit cameo watak-watak komik/manga kegemaran. (Sebagai peminat Bleach, aku sangat teruja masa sesi tenung-tenung hari pertama raya dengan Fandi) Hoho~ terbaik!

Novel ini sempurna pada mata aku :) Kelakar, nasihat, kekeluargaan, semangat kejiranan, kehilangan insan tersayang, mengejar cita-cita, hiburan, persahabatan, romance, krisis dendam & airmata, masalah rumahtangga etc. Fuh! Cukup sangat recahnya. Sangat layak untuk 5\*

Ps: Adik jangan baca bab 36 ke atas. haha. Part aummm 2x tu, emmm... memang layak dalam novel English. Tapi novel melayu takde sangatlah. Aku sengih je... (oh, terbukanya pemikiran aku sekarang :(! )

Dan aku dapat rasa kesinisan penulis kepada realiti anak dara zaman sekarang yang kurang serba-serbi untuk jadi anak dara contoh. Bila watak Adam disempurnakan di mata mak-mak :)). Keh3x

---

## Juliza says

(3.5 bintang)

Apa yang hamba suka tentang Guy Next Door:

i) Tidak disangka-sangka. Sungguh, hamba tidak punya keyakinan yang tinggi mulanya untuk menyukai buku ini. Iyalah, hamba skeptikal sedikit dengan buku yang diberi judul agak-agak cheesy (maaf) begini. Namun, boleh dikatakan lapan puluh lima peratus pertama dari buku ini, hamba baca dengan senang hati. Mungkin sudah lama hamba tidak membaca buku dengan bahasa yang benar-benar selamba dan santai. Meski hamba agak terganggu sedikit sebenarnya dengan ke-santaian itu tetapi hati ini mahu berkompromi dengan suka rela :).

ii) Hamba suka idea cerita ini yang dimesrai oleh bahasa santai penulis. Mungkin masih ada babak-babak klise (kejutan kahwin misalnya) dan watak antagonis tipikal novel-novel (seperti Tun Naziha dan Adeera) tetapi hamba masih menyukai jalan cerita ini. Hamba suka bagaimana dua jiran yang tidak pernah bertegur sapa selama lima tahun dan saling kontra sikap, perlahan-lahan saling mengenali lalu menjadi teman.

iii) Hamba suka Adam si animator antarabangsa itu meski hamba tidak berkenan pula pada Adam yang sama berstatus suami Si Kristal (hamba jelaskan nanti). Hamba suka apabila penulis memperincikan kerjaya Adam. Cukup-cukup penerangannya tanpa berlebihan :). Lagi pula, bila lagi hendak mengangkat seorang animator di Pixar sebagai hero? Asyik bos syarikat sana, anak bos syarikat sini, slot Samarinda sangat. Hehe.

Apa yang hamba tidak suka tentang Guy Next Door:

i) Hamba selalu fikir kejahatan itu adalah satu pilihan, bukan paksaan. Malang sekali, hamba merasa watak Tun Naziha dan Adeera seperti dipaksa-paksa oleh penulis untuk menjadi si jahat dalam cerita ini. Tidak neutral dan hamba langsung jengkel dengan kepura-puraan itu. Tapi mungkin saja hamba yang terlalu aneh sehingga mahu melihat kejahatan dikarang dengan 'baik-baik' dan 'sempurna'.

ii) Aduh, mengada-ngadanya awak, Kris. Dan Adam, nakal sangatlah. Sungguh, hamba merasa seperti tidak mampu bernafas membaca kisah mereka suami isteri. Mana dengan Kristal yang melulu dan keanak-anakan. Mana dengan Adam yang nakal bukan main. Keterbukaan mereka dalam membicarakan soal 'itu' malah dijadikan perkara gaduh juga memanglah bikin hamba mahu putus asa. Nasib baik saja bahagian itu sudah di babak-babak akhir.

p.s Oh ya, Fandi! Ini lagi satu watak yang hamba rasa tidak dikembangkan sebaiknya malah tidak konsisten juga. Sekejap dia begini, sekejap dia begitu. Namun, ketika babak dia berkonfrontasi dengan Adam di hospital, buat pertama kalinya hamba merasa satu kejujuran yang tidak pernah hamba rasakan dari mana-mana watak ciptaan dari mana-mana novel sebelum ini. Sungguh, hamba merasa dia sangat-sangat-sangat tulus ketika itu. Entah kenapa. Walhal dia itu mengerikan sangat fiilnya. Haha.

---

### **Ella says**

Teringat dulu sampai google Mario Maurer just to know this fictional character. Hailah..belum google dah angau..Adam ni lelaki yg super cool. Dia kurang friendly bila mengejar deadline. Watak Kris ni macam kebuda2an. Sentiasa inginkan perhatian.

Cinta Kris seperti dibutakan oleh Fandi hingga kebaikan Adam sikit pun dia tak nampak. Tahu nak pandang rendah je macamlah personality diri tu awesome sangat.

Bila Fandi memalukan dia depan keluarganya dan Adam, saya pun macam nak sorokkan muka ni. She deserved it. Biar dia tahu langit tu tinggi ke rendah dan jgn selalu menongkat langit.

Langau pun ada. Being Ms lembik and mudah percaya, Kris menghilangkan diri. Kalau sekarang saya baca lagi agaknya saya akan lebih sinis dgn watak Kris. Hahaha..simpan je lah dulu till Im ready.

---

### **Cik Pah says**

Cerita yg aloaloalo kutikutikuti grrr meowww comel sungguh watak hero heroin dlm GND. Kerjaya si Adam juga membuat pembaca teruja nak explore dunia animator. Diserikan juga watak mak Cik Umi, mak yang kelakar. Dah ok sangat jalan ceritanya tapi.....

Disebabkan adanya scene yang patut ditiadakan untuk tatapan anak remaja maka 2 bintang ditolak sekaligus GND menggondol 3 bintang dari Cik Pah

---

### **Wan Amalyn says**

Setelah lama menanti karya terbaharu Rose Harissa, apa yang boleh saya katakan **Guy Next Door (GND)** ini tidaklah menghampakan.

Bertepatan dengan satu frasa yang terngiang di kepala '*...pahit akan manis akhirnya..*' itulah yang boleh saya gambarkan kisah cinta Kris – Fandi – Adam usai saya menelaah naskhah ini.

Kris – dia 'cinta mati' Fandi. 5 tahun percintaan yang penuh warna pahit-manis bersama Fandi. Fandi anak datuk. Fandi yang berkerjaya. Sementara keluarganya ada syarikat sendiri, pastilah punya masa depan yang cerah, yang boleh menjamin masa depan. Tapi angkara pihak ketiga, hubungan mereka berantakan di tengah jalan.

Adam – the guy next door, sering dijadikan modal Makcik Umi (ibu Kris) untuk 'counter attack' Kris. Adam yang baik. Adam yang rajin. Pendek kata semua yang baik-baik ada pada Adam.

Kris jadi bengang, kerana Adam, dia sering dileter oleh Makcik Umi. Kerana Adam, dia sering dijadikan perbandingan. Dan paling *sadis* kerana Adam, Makcik Umi tidak pandang Fandi sebagai teman lelaki yang boleh jadi suami yang baik pada Kris. Pada Makcik Umi, Adam yang selayaknya jadi calon menantu pilihan, bukan Fandi. Dan pastilah Adam jadi 'punching bag' untuk Kris lepas geram.

Dan Adam yang baik itu sering jadi terpinga-pinga bila tiba-tiba dia kena marah dengan Kris! Padahal dia tak buat salah apapun pada Kris. Bahkan bertegur sapa pun tidak! Hanya kerana Kris dibebel oleh Makcik Umi.

Jadi kalau hati sudah geram, hati sudah benci, macam mana mereka boleh berbaik?

*Kata Saya:*

Saya tak suka Kris yang sering buat andaian melulu. Kris sepertinya perempuan materialistik yang sering membuat perbandingan hanya dengan melihat luaran.

Saya tak suka Fandi yang lepas laku. Kris juga! Dia sepertinya tipikal anak datuk yang sering digambarkan sebagai lelaki lepas laku.

Dan saya suka Adam yang super cool! ^\_^ Adam yang selayaknya sebagai hero pujaan.

*(kalau rajin saya sambung komen lagi)*

---

## Azizah says

4.5 star

~~Bukan review: hurmmmm, huruf M tgh membesar skrg ni...haishhh~~

**17.04.2014**

Lama sungguh tak baca hasil tangan penulis ni. Rasanya ini karya pertama beliau dengan penerbit ni. Dan seperti karya beliau yang pernah dibaca, memang TAK MENGHAMPAKAN. :P

Lima tahun hidup berjiran, mereka tidak pernah bertegur sapa. Kristal dengan sikap tak *cakna* dan Adam pula memuja dalam diam. Tapi yang selalu buat Kris sakit hati dengan Adam adalah sokongan padu Mak Cik Umi pada Adam. Pada mata maknya, Adam hampir sempurna tapi pada Kris, sempurna *haper kalau kerja pun idok tapi asyik terperuk di rumah perabis duit pencen orang tua*.

*Kris hampir buta mata hati dan mata kasar sebab terlalu taksub dengan ayat leleh kekasihnya, Fandi. Kris ni macam kebanyak tipikal watak heroin yang mengejar lelaki romantik tahap petala kelapan dan juga kalau kaya itu satu bonus. Walaupun sudah lama bercinta bagai nak rak, diangkut ke hulu ke hilir tapi Fandi masih lagi tidak masuk meminang. Ini yang menaikkan darah Mak Cik Umi sebab maruah anak dara tunggalnya bagaikan dipermainkan.*

*Dalam pada mereka tak bertegur sapa, sekali bercakap terus bercakar Adam dan Kris ni. Kris dengan perangai tak semenggah yang tak pernah mahu kalah dan selalu bersangka buruk, ditambah lagi dengan perangai Adam yang sentiasa cool dan suka mengusik. Aduhhhhh, bercakar macam kucing la depa ni.*

*Ketika Kris sedang asyik masyuk terleka dengan cinta Fandi, sekali keghaiban lelaki itu memang buat Kris tertekan dan lagi ayat-ayat pedas dari Mak Cik Umi yang sentiasa buat telinga dia berasap. Akhirnya rahsia Fandi terbongkar tapi Kris masih lagi percaya dengan kekasih hati pengarang jantungnya yang tak berapa nak betul ni. Tapi, sekali Tuhan nak tunjuk. Haaaaa, depan Adam lagi tu. Walaupun malu tapi sebab ego tinggi Kris tetap tak pandang Adam walaupun dalam berkias Adam ada tunjuk rasa suka kat dia. Huhhhh, perangai tak semenggah sungguh Kris ni. Duduk junjung ego tinggi melangit tapi bila Mia nampak rapat dengan Adam, tahu pulak dia tunjuk perangai cemburu tak tentu hala tu.*

*Tapi sebab dah tajuk GND, mesti ada sangkut paut jugak mereka berdua ni. Walaupun banyak cabaran Adam nak dapatkan Kris ni. Dengan kehadiran Adeera, ugutan Fandi dan juga tindakan penculikan Kris yang hampir menyebabkan Adam hilang nyawa. Kesudahannya, sila baca sendiri...:P*

*Komentar:*

*Yeahhhhh, selepas terbakar, siap rentung dan sebagainya. Akhirnya khatam juga naskhah ini. Sejujurnya, ayat-ayat penulis memang sentiasa menarik hati untuk dibaca walaupun terselit sedikit adegan yang sensitif dan kadang kala tak realistik di mata KakChik.*

*Memang jatuh hati tak ingat kat karektor Adam yang bajek suci tapi tak berapa nak suci juga kalau dah dapat peluang depan mata, kan? Karektor anak yang sanggup hilang kerjaya demi orang tua dan juga sikap yang tidak cepat melatah. Tapi kalau dah dapat isteri yang perangai tak matang macam Kris memang buat haru saja.*

*Sangat la sakit hati dengan watak Kris ni. KakChik rasa watak Kris antara watak heroin yang buat KakChik meluat tahap nak hempuk kepala dia dengan batu lesung. Kenapa la hang sungguh tak bersyukur, Kris*

ooiiii. Masih juga menjunjung ego dan sikap tak matang walaupun dah menjadi isteri orang. Buat KakChik angin jer. Haish

Mak Cik Umi sungguh memukau dalam GND dan karektor dia memang menghidup hampir 3/4 dari keseluruhan cerita. Walaupun mulut dia super laser tapi dalam hati dia, hanya Tuhan yang tahu. Memang setiap ibu mahu yang terbaik buat anaknya. Tapi kalau anak jenis macam Kris ni memang kena 'palu' selalu. Itu pun masih tak sedar jugak.

Keseluruhan cerita hampir sempurna walaupun KakChik kecewa juga sebab watak Mak Cik Umi yang selamba itu 'mati' begitu saja lepas Adam-Kris ke US. Watak-watak lain tidaklah begitu memberi impak terhadap keseluruhan cerita sebab banyak ruang diberi Adam-Kris.

POV yang berbeza hampir setiap bab memang memerlukan tumpuan yang tinggi. Hehh

p/s: Kak CT, thanks kasi pinjam GND. :P

---

## Mak Long says

Phewwww...lega! Habis sudah baca buku ni. Saya suka cara tulisan Rose Harissa, sempoi. Walaupun konflik tak berapa hebat, tapi saya nanges hebat jugalah. Dan saya hangen pun hebat juga.

Sampai sudah, Kris tidak mendapat tempat di hati saya!!! Ha ah, marah bebenu teman dengan si Kris ni! Marah sampaikan tahap si Adeera gedik tu pun saya tak berapa nak marah! Hahahaha.....

Adam is still the best! Tapi saya tak nak kerja macam Adam, nanti saya stress!

Sekian luahan rasa dari saya.... ahaks...

---

## Gobokairina says

Ini antara penulis *favourite* aku. *Old time. Hands down.*

Full review: 16/04/2014

Aku suka:-

1. *The one & only, that Guy Next Door* [GND] -- Adam Putra Iskandar. Ok, namanya pun dah ala-ala hero filem. Tapiiii... dia sangat *cool* ok! \*amboiiii\* hahaha. Aku sebenarnya suka dengan cara penulis melakar watak Adam ini. Tak dinafikan, RH memang pakar dalam menggambarkan watak hero-hero novelnya, tu buat aku makin suka dengan Adam.
2. Makcik Umi -- Karakter ibu yang paling *hilarious* selepas Makcik Sari. Memang asyik tergelak je bila baca percakapan anak beranak. Kata-katanya memang asyik kena batang hidung sendiri. Dan, dia ibu yang paling tepat untuk si anak seperti Kris.
3. Jalan cerita yang *sweet like candy*. Cerita ini mungkin hadir tepat pada masanya, ketika aku tengah serabut dengan segala hal duniawi [ok, *exaggerate!* :P]. Aku perlukan sesuatu yang *simple*, tapi menarik hati. Padaku, GND boleh masuk dalam kategori *chic lit*.
4. Kris -- Jujur, aku tak suka dia *hahaha*. Tapi ya, seiring pembacaan rasa tak suka itu hilang sikit demi sedikit. Watak seperti Kris perlu ada untuk mengimbangi watak *cool* Adam. Adanya Kris untuk buat

pembaca seperti aku menyampah, tapi dalam masa yang sama tetap ingin belek GND hingga ke halaman terakhir. Ha, nampak tak betapa Kris sebenarnya penting dalam cerita GND ni \*wink\*

5. *Family bonding* dan rasa kasih sayang -- Hubungan antara anak perempuan mahupun lelaki dengan ibunya. Rasa hormat dengan jiran tetangga, sikap ambil berat bukannya jaga tepi kain orang. Kesemua ini buat aku rasa cerita ini dekat di hati sebab adanya rasa *belonging*.

Kalau inginkan sesuatu yang santai dan mudah hadam, boleh dapatkan novel ini. Ia bukan kisah cinta air mata, jadi jangan risau anda tak akan mudah naik angin. Cuma, kalau ada sikit rasa menyampah mungkin sebab si Kristal tu, atau mungkin juga kerana adanya si Fandi. *Perghh...* tulis namanya buat aku sendiri rasa alergik dengan mamat seperti ini \*wink\*

Cuma, aku selalu kena betulkan *tune* dengan pertukaran POV dalam setiap bab. Kalau yang jenis baca langkau-langkau, mungkin akan tersesat juga. Juga mungkin boleh betulkan kesalahan ejaan Bahasa Inggeris dalam cetakan seterusnya. Kesalahan minor je ni.

Dan, bintang-bintang bersinar bukan hanya kerana ceritanya, pasti juga untuk penguat semangat kepada penulisnya. Tahniah! Moga tak akan pernah berhenti. *Welcome back sis!* ;))

Ps: Kalau rasa review aku ini *bias*, korang boleh lihat review teman-teman lain di GR.

---

### **Zurianita Manab says**

Kisah Kris yang super Ego dan sangat benci dengan guy next door. Jejaka sebelah rumah mmg sentiasa mendapat pujian dari ibu Kris. Adam yang rajin menyiram pokok, Adam yang rajin sidai baju, Adam yang rajin memasak, Adam yang pandai ambil hati orang tua. Namun perang dingin antara mereka berakhir dan persahabatan pun terjalin.

Saat Kris dilanda masalah, Adam sentiasa ada menjadi penyelamat. Adam dengan otak animaxnya sentiasa ada saat Kris memerlukan. Namun apakah pengakhirannya andai kedua2 tidak pernah melafazkan cinta...?

---

### **Rinn Ramli says**

kisah jatuh cinta dgn jiran bukanlah sesuatu yg baru dalam novel masa kini. Tetapi rose harissa mempunyai sentuhan pena yang tersendiri dan mewujudkan kelainan dalam kisah yang biasa ini.

Kris dan Adam ada keserasian dalam kerancakan bertekak dan bertikam.lidah. Jarang dpt baca novel yang menceritakan dari sudut pandangan lelaki seperti ini.

Kisah yang sangat manis dan menarik namun, towards the end ada juga terselit babak babak notty notty yang budak2 tak sesuai baca. mak mak jgn lupa pantau apa yg anak2 anda baca ya. ;-)

---

Rose Harissa seperti lebih bebas membawa halatuju kisahnya dalam naskah ini. Mak kristal memang penyeri dalam kisah ni. masa di penghujung cerita mak dia tak ada di situ utk menyekeh kepala kristal rasa bosan plak. ahaha.

sure fine whatever  
Rinn

---

## Ctsue says

Amaran: Review terpanjang ever..maaf jika penat nak baca..hehe

A nice comeback dari penulis. Akhirnya cerita yang dibaca dalam blog dibukukan juga. Terkejut tergolek masa KN keluarkan teaser daripada buku ni.pheww...memang a big suprise. :D

Kristal berjiran dengan Adam Putra Iskandar, guy next door selama 5 tahun selepas Adam pulang dari US.Tapi tak pernah bertegur sapa, apatah lagi Makcik Umi,mak Kris selalu memuji jiran sebelah ni. Adam rajin, anak yang baik, rajin tolong jemur baju, sapu laman, siram pokok, pergi pasar bla bla bla... Eh, memang sangat baik la kan sampai Kris naik muak dan bosan dengan pujian tersebut. Kris yang anak dara ni pon tak rajin macam tu, bangun tidur lambat, hari minggu pon lesap pergi dating dengan boyfriend kesayangan si Syed Affandi@Fandi. Lagi Kris bengang bila Makcik Umi bandingkan Adam dengan Fandi,pengarang jantung dia.

Sebenarnya Adam selalu perhatikan Kris,tapi dia pelik kenapa Kris macam benci sangat kat dia, padahal dorang tak pernah bertegur sapa pon. Semasa mak dan ayah Kris pergi umrah, Makcik Umi amanahkan Adam dan mak Adam untuk jaga dan tengokkan Kris. Masa ni la, si Fandi kanto dengan Kris yang dia sebenarnya dah kahwin dengan pilihan keluarga dia. Fandi sampai cari Kris dekat rumah untuk pujuk Kris. Sampai Adam terpaksa masuk campur dan tolong Kris daripada diganggu Fandi. Memang muka tak tau malu Fandi ni, dah la tipu Kris, lepas tu masa nak pujuk tu selamba je peluk-peluk anak dara orang.Siap ungkit pasal downpayment kereta yang dia bayarkan untuk kereta Kris dan ugut Kris untuk pulangkan kereta tu kalau Kris taknak kembali pada dia.bacul la ko Fandi. ahaha.emo pulak.

Selepas mak dan ayah Kris balik dari umrah, Kris memang kena basuh disebabkan kes Fandi dan kereta tu. Dorang memang tak berkenan dari awal dengan Fandi. Semasa kenduri doa selamat di rumah Adam untuk meraikan kepulangan mak ayah Kris dari umrah, keluarga ex girlfriend Adam iaitu Adeera datang untuk meminang Adam.hahu..memang gempar satu taman bila rombongan perempuan datang meminang. Adam terus cari Adeera dan menolak peminangan tersebut. Masa ni la, mak Kris berkias, katanya kalau Makcik Umi pinang Adam, Adam terima tak?? Adam tersipu-sipu malu konon. dalam hati yabedabedu dia pasti akan terima..hahaha. sweet part.

Masuk part sedih bila Mak Adam meninggal dunia, Adam memang sangat sedih dan decide untuk terima tawaran kerja di US. Walaupun hubungan dia dan Kris semakin baik, tapi Adam tak berani nak luahkan perasaan dia pada Kris. Sebelum Adam pergi US, Adam ditikam oleh orang yang mahu menculik Kris. Kris syak semua ni kerja Fandi tetapi sebenarnya kerja isteri Fandi yang cemburukan Kris.

Selepas Adam pergi, Kris jadi tak tentu arah sampai selalu stalk fb Adam. Baru Kris sedar yang dia sukakan Adam. Sampai Kris terkejut bila Adam update di fb yang dia 'in a relationship' dan akan berkahwin. Semasa Hari Raya, Kris dikejutkan dengan kehadiran Adam di rumahnya. Adam kata dia balik untuk meminang dan berkahwin dengan Kris. Pada masa yang sama si Fandi yang dah jadi duda pon datang bawa rombongan. Memang jadi drama bila dua pinangan datang serentak. Seperti yang dijangkakan pinangan Fandi ditolak dan

mengejutkan rupa-rupanya majlis akad nikah Kris dan Adam dilangsungkan petang tu juga.

Tiga hari lepas tu, Adam pulang ke US semula tanpa Kris untuk menguruskan visa Kris dan lain2 hal. Kris pelik dan terasa sebab Adam tidak sentuh dia langsung dan meninggalkan dia yang masih dara di Malaysia.. Adeh, gatal juga ko ni Kris. Adam memang gentleman bila dia jelaskan yang dia taknak Kris termengandung sorang2 dekat Malaysia dan permohonan untuk membawa Kris ke US mungkin makan masa yang lama. Adam nak Kris ada disampingnya bila Kris mengandung.

8 bulan kemudian baru Kris ke US dan tinggal bersama Adam. Selepas sebulan Kris dah mula bosan dan rasa diabaikan Adam. Mula la cari point nak gaduh dengan Adam, sampai Adam tidur berdengkur pon jadi isu besar.

Kris mula memberontak dan keluar dari rumah sorang diri sampai dia diragut oleh lelaki kulit hitam. Adam memang bengang bila Kris bahayakan diri keluar rumah sebab jenayah berlaku paling tinggi.

Kris mula lah merajuk dan mengugut nak balik Malaysia, kesian Adam dapat isteri kebudak-budakan ni.

Tapi tak boleh salahkan Kris sebab duduk ditempat orang dan jauh dari keluarga. Sedih pulak bila Adam pujuk Kris dan bagitau yang dia tak ada siapa2 selain Kris disitu. At the end, Kris mula paham dengan kerja Adam dan selesa tinggal di sana. Kemudian Kris disahkan mengandung 7 minggu dengan kembar.

Untunglah ada genetik kembar dari Adam tu boleh dapat twins. Congratulations AdamKris. :)

Saya suka:

+ Jalan cerita yang simple dan sweet, mula2 benci lepas tu suka dan berkahwin. tapi bercinta selepas kahwin lagi indah kan..

+ Guy next Door yang rajin dan kacak.siapa taknak ada jiran camni kan.boleh cuci mata hari2..haha..Dah la gentleman, walaupun nampak macam jobless.tp sebenarnya diam2 ubi berisi ok. Kris je tipikal fikir Adam ni tak kerja dan sengkek.padahal Adam punya pendapatan lg banyak dari orang kerja ofis.

+ Ikatan kekeluargaan Adam dan Kris, semangat kejiranan yang kuat. Saling tolong- menolong antara satu sama lain.

+ Kesempioan Makcik Umi yang mencuit hati. mahu tak mengamuk bila anak dara tunggal macam2 kerenah.memang kena fire dengan makcik Umi. tapi mulut je bising, ape pon sebagai mak mesti mahukan yang terbaik untuk anaknya.

p/s:Berharap, lepas ni giliran Al&Nisa (Rindu Itu Cinta) pula diversi cetak. plis2..huhu

---

**kuzzeen says**

*Naskah untuk dilepaskan; RM13.00. PM je....*

Ini naskah untuk pelaku2 yg 'jujur'. Penulis punya keberanian yang jitu untuk melakarkan senario keluarga yang biasa-biasa. Betapa ke-pening-an si ibu dan bapa atas kelaku si anak dicoretkan bergenrekan komedi. Dan... MAKCIK UMI perlu dinobatkan sebagai watak IBU TERBAIK setakat ini. Kata2nya memang pedas menyucuk hingga ke ulu hati (perumpamaan kat tempat aku la).

Kris... juga watak anak gadis yang jujur. Ke-normal-annya yang terpedaya dengan dunia dan isinya(?) (Fandi) hingga sanggup mengibutirikan Makcik Siti sendiri. Memandang rendah si Adam hanya kerana penampilan yang biasa-biasa.

Adam... juga jejaka yang jujur. 'Mengidamkan' anak dara sebelah tapi didiamkan kerana sedar siapa dirinya. Suami yang jujur. Jujur kerana sedikit goyah di awal perkahwinannya dengan Kris. Juga lelaki yang jujur (mungkin kerana itu ada tercalit sedikit adegan 18SX untuk naskah ini :)

Yg kurang kejujurannya hanyalah penulis (?). Mengambil pendekatan 1st person POV untuk 2 pelaku utama memerlukan paksi yang kukuh. Melukiskan garis sempadan untuk 2 watak berbeza banyak cabarannya, kerana untuk keseluruhan naskah hanya 'AKU' yang berbicara, bukan Kris dan bukan Adam. Ya... ada sedikit kegelinciran di sana sini, tapi dihidangkan dengan dialog komedi yang dipilih.

Perincian persekitaran dan kerjaya yang wajar dipuji.

---

## **Kamaliah says**

esok review... mlm ni nk tido sambil sengih2.... hikhikhik

First of all, I must say this. SAYA SUKA ADAM. Fullstop. I like Adam as much as I like Tengku Adi Rafizal. Just need to let it out of my system... Hihhi... Okay.. now.. the review.

Sejujurnya... saya tidak terpenggil untuk membaca buku ini. Why? The reason why is because RH's books are too conflicting for me. Her stories are mind boggling. Many of my friends said so and I've even experienced once when reading CINTA MEKAR DI HATI. So, when I saw this book in FB, GR and KN's email, I haven't the inclination to read it. Even when my friends recommended me to read it, I just ignored because the feeling of reading CMDH still lingers. But when I was offered to purchase the book with the author's signatures, I guess well, this must be a sign for me to READ IT! So, fine, I bought it with the intention to peram. As usual lah.. However, when the book came, the gorgeous cover really caught my eye and the cute picture of Adam and Kris really beckons me soooo... I read it...

In the beginning, it was a happy reading. Seriously sweet, charming and wonderful read. I was hooked. Even when Fandi came in the picture, I was ok. When Tun Markonah came into story, I was fine. And then BAM!!!! Just when I thought RH has mellowed down with her conflict, she hit me... When I started reading the book, I was ready body, mind and soul knowing how RH writes her story but after reading ¾ of the books and it was a happy reading, I let down my guard and that was when she hit me. It came out of no where and I was like... Oooo my Allahhh... here it comes and from there on it starts. Jeng jeng jeng... Although it is not that conflicting compared to CMDH, the conflict's still there. What is the conflict, that is for you to read and enjoy... :)

I absolutely love Makcik Umi. She is hilarious. Seriously I love her. Kata2 dia sangat menusuk kalbu and straight to the point. No kona-kona. She is part of my Happy Reading. Kris, on the other hand, I was ok ok je

dengan dia. I think she's shallow. She only looks at appearance and she's hard headed. So, I definitely don't think that she deserves my Adam. Now... Adam... He is absolutely gorgeous in every way. Anak yang baik, Jiran yang prihatin, Lelaki yang awesome, Suami yang penyayang.. \*sigh\* RH memang suka promote hero dia tau. Sepertimana dia promote Tengku Adi Rafizal, begitulah dia promote Adam. He is definitely a keeper. Nak kata dia romantic, sooo notttt... Tapi he has his own loving way that I find adorable.

However, ada however.. being me, a conservative and village people, I tend to seek clean romance and I can't say that it is in here. Kris and Fandi punya behaviour and lepas laku Adam masa dia nak pergi US tu unacceptable to me even though itulah realitinya. And oh.. ada sikittttttt 18SX after marriage... No komen on that because I sincerely do not know how to comment on that.

All in all, to me, this is a good book. I like it. Like it very much, in fact. Everything is in there. Cukup rencah and perisa kehidupan. Have a go and you'll not regret it....

---

### **Dyh Usen says**

Masa baca versi e-novel lagi rasa macam nak benam saja kepala budak Kristal ni dalam air. Hahaha. Tapi untuk versi cetak, Kris berjaya buat saya suka dengan dia. Malah lagi suka daripada Adam (masa baca di blog kemain sokong Adam). Karakter Kristal betul-betul penuh emosi. Cayalah Kris. I like you ;)

---